Proceedings Borneo International Islamic Conference; Vol. 17. 2026; 372-377
Published by Majmuah Enterprise
eISSN: 2948-5045

Kadar Kesiapsiagaan Remaja Brunei Darussalam Dalam Menghadapi Cabaran Kerencaman Pemikiran Menuju Wawasan Brunei 2035

NORASIAH BINTI AWANG HAJI AMAI[1, a], IBNOR AZLI IBRAHIM[2, b] dan HAJI HAYATTUDDIN BIN HAJI MOKSIN [3, c]

[1] Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam
[2] Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam
[3] Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam
[a]norasiah.hjamai@unissa.edu.bn , [b]azli.ibrahim@unissa.edu.bn
& [c]hayattuddin.moksin@unissa.edu.bn

Abstrak

Transformasi sosial, perkembangan teknologi digital dan globalisasi telah mempercepatkan penyebaran pelbagai ideologi, nilai serta pandangan hidup yang mewujudkan kerencaman pemikiran dalam kalangan masyarakat, khususnya remaja. Dalam konteks Brunei Darussalam, fenomena ini menuntut tahap kesiapsiagaan yang tinggi agar generasi muda mampu menilai, menyaring dan mengadaptasi pengaruh luar secara kritis tanpa menjejaskan identiti kebangsaan yang berteraskan Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB). Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menilai kadar kesiapsiagaan remaja di Brunei Darussalam dalam menghadapi cabaran kerencaman pemikiran sebagai persediaan menuju Wawasan Brunei 2035. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan menggunakan soal selidik terhadap remaja berumur 14 hingga 24 tahun dari pelbagai institusi pendidikan dan komuniti di seluruh negara. Analisis data akan dijalankan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi bagi mengenal pasti tahap kesiapsiagaan serta hubungan antara pengetahuan, kemahiran berfikir kritis, literasi digital, pegangan nilai MIB dan daya tahan psikososial. Dapatan kajian dijangka dapat memberikan gambaran menyeluruh mengenai tahap kesiapsiagaan remaja serta membantu pihak kerajaan, institusi pendidikan dan badan belia merangka strategi pembangunan modal insan yang lebih berkesan dalam merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Kata kunci: *kesiapsiagaan remaja, kerencaman pemikiran, literasi digital, Melayu Islam Beraja, Wawasan Brunei 2035.*

1. Pengenalan

Perkembangan teknologi digital telah mengubah secara ketara cara manusia memperoleh, menilai dan berkongsi maklumat. Internet, media sosial, platform video, enjin carian dan perkembangan kecerdasan buatan (AI) menjadikan maklumat dapat diperoleh dalam jumlah yang besar dan dalam tempoh yang sangat singkat. Perubahan tersebut memberikan peluang yang besar kepada golongan muda untuk mendapatkan pengetahuan, membina jaringan sosial dan menyertai kehidupan masyarakat. Walau bagaimanapun, persekitaran maklumat yang semakin kompleks turut meningkatkan risiko terdedah kepada maklumat palsu, disinformasi, manipulasi dan kandungan yang sukar dibezakan antara fakta, pendapat dan persepsi. UNESCO menegaskan bahawa literasi media dan maklumat diperlukan bagi membantu individu menilai kesahihan maklumat serta berinteraksi dengan persekitaran digital secara selamat dan bertanggungjawab (UNESCO, 2025) Golongan remaja merupakan antara kelompok yang amat signifikan dalam konteks ini kerana mereka membesar dalam persekitaran digital. Kajian terhadap remaja menunjukkan bahawa keupayaan berfikir secara kritis mempunyai kaitan dengan keupayaan menilai berita dan maklumat dalam media sosial. Menurut Castells (2009), perkembangan masyarakat jaringan telah mengubah struktur komunikasi dan hubungan sosial sehingga mempengaruhi pembentukan identiti individu dalam masyarakat moden. Cabaran tersebut menjadi lebih kompleks dengan kemunculan kecerdasan buatan generatif. UNESCO pada tahun 2026 menekankan bahawa literasi media dan maklumat pada era AI bukan sekadar melibatkan kemahiran teknikal, tetapi perlu meletakkan pemikiran kritis dan agensi manusia sebagai teras supaya pelajar dapat menyoal, menilai dan membuat keputusan yang bermaklumat terhadap kandungan yang dihasilkan oleh AI (UNESCO, 2026).

Dalam konteks Brunei Darussalam, perubahan global tersebut perlu diseimbangkan dengan identiti dan nilai kebangsaan. Wawasan Brunei 2035 menetapkan aspirasi untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah negara yang dikenali dengan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi serta ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Matlamat pertama Wawasan tersebut turut mengaitkan pembangunan modal insan dengan nilai kebangsaan berdasarkan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) (Government of Brunei Darussalam, 2025)

Oleh itu, kesiapsiagaan remaja tidak wajar dilihat hanya dari sudut kemampuan akademik. Ia perlu merangkumi keupayaan memperoleh pengetahuan, menilai maklumat secara kritis, menggunakan teknologi secara bertanggungjawab, mengekalkan pegangan nilai dan menghadapi tekanan sosial serta perubahan persekitaran. Dengan demikian, kajian mengenai tahap kesiapsiagaan remaja Brunei Darussalam dalam menghadapi kerencaman pemikiran mempunyai kepentingan strategik dalam konteks pembangunan modal insan. Lebih-lebih lagi, perkembangan dasar pembangunan negara terkini terus memberi penekanan kepada rakyat yang berpengetahuan, berkemahiran, beretika, inovatif, bertanggungjawab dan bersedia menghadapi masa hadapan.

2. Sorotan literatur

Kerencaman pemikiran merupakan antara cabaran yang semakin ketara dalam kalangan remaja seiring dengan perkembangan globalisasi, teknologi maklumat dan media sosial. Pendedahan kepada pelbagai sumber maklumat, ideologi dan pandangan telah mempengaruhi cara remaja berfikir, membuat penilaian serta membentuk pendirian terhadap sesuatu isu. Menurut Giddens (1990), globalisasi telah memperluaskan hubungan sosial merentasi sempadan tempatan dan antarabangsa, sekali gus membawa perubahan terhadap cara masyarakat memahami identiti, nilai dan budaya. Keadaan ini mewujudkan ruang kepada pertembungan serta pertukaran pelbagai pandangan hidup.Dalam konteks ini, kesiapsiagaan remaja bukan sahaja bergantung kepada tahap pengetahuan, malah turut melibatkan keupayaan berfikir secara kritis, menilai kesahihan maklumat dan mempertahankan nilai serta identiti diri. UNESCO (2015) menegaskan bahawa pendidikan perlu membentuk individu yang mempunyai pemikiran kritis, menghormati kepelbagaian dan mampu berinteraksi secara positif dalam masyarakat yang berbeza latar belakang dan pandangan. Selain itu, perkembangan media sosial turut memberikan pengaruh yang besar terhadap pembentukan pemikiran golongan muda. Penggunaan platform digital membolehkan remaja memperoleh maklumat dengan mudah, namun pada masa yang sama meningkatkan risiko terdedah kepada maklumat palsu, fahaman yang bercanggah serta pengaruh pemikiran yang tidak selari dengan nilai Masyarakat (Musdalifa *et.al*, 2025). Di samping itu, UNESCO (2021) menjelaskan bahawa literasi media dan maklumat merupakan elemen penting bagi membolehkan individu menilai sumber maklumat, memahami kandungan media dan menggunakannya secara bertanggungjawab. Oleh itu, tahap literasi digital dan kemahiran menilai maklumat perlu diberikan perhatian dalam mengukur kesiapsiagaan remaja menghadapi kerencaman pemikiran.

Menurut Mohamad (2024), perkembangan globalisasi dan teknologi digital telah mendedahkan remaja kepada pelbagai ideologi, budaya, nilai dan pandangan hidup. Keadaan ini mewujudkan kerencaman pemikiran yang memerlukan remaja mempunyai keupayaan untuk menilai serta menerima maklumat secara bijaksana. Dalam konteks Brunei Darussalam, pendedahan tersebut perlu diseimbangkan dengan pemeliharaan identiti kebangsaan yang berteraskan Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB). Manakala bagi Jaili dan Metussin (2023), penghayatan nilai agama, budaya dan identiti kebangsaan penting bagi memastikan remaja mampu menghadapi kepelbagaian pemikiran tanpa mengabaikan prinsip dan nilai yang menjadi pegangan masyarakat. Sehubungan itu, pendidikan bukan sahaja berperanan menyampaikan ilmu pengetahuan, malah perlu membentuk sahsiah, kematangan pemikiran dan keupayaan membuat keputusan secara berhemah. Di samping itu, media dan teknologi digital memainkan peranan penting dalam pembentukan pemikiran dan identiti remaja. Livingstone (2008) menjelaskan bahawa literasi digital bukan sekadar merujuk kepada kebolehan menggunakan teknologi, tetapi turut melibatkan keupayaan memahami, menilai dan menghasilkan kandungan media secara bertanggungjawab. Sementara itu, boyd (2014) menghuraikan bahawa penggunaan media sosial telah membentuk ruang interaksi baharu bagi remaja untuk membina hubungan sosial, meneroka identiti dan menyuarakan pandangan. Walau bagaimanapun, interaksi dalam ruang digital turut mendedahkan mereka kepada risiko salah maklumat, tekanan sosial dan pengaruh pandangan yang tidak semestinya berasaskan pengetahuan yang tepat Perkara ini mempunyai hubungan yang rapat dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, khususnya matlamat untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Bagi mencapai matlamat tersebut, golongan remaja perlu dilengkapkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran serta cabaran pemikiran global. Kesiapsiagaan ini penting bagi memastikan generasi muda bukan sahaja mampu menerima perkembangan semasa, tetapi juga berupaya menilai dan menghadapi perubahan tersebut secara bijaksana.

Walau bagaimanapun, kajian khusus mengenai tahap kesiapsiagaan remaja Brunei Darussalam dalam menghadapi kerencaman pemikiran masih perlu diberikan perhatian. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap pengetahuan, kesedaran, pemikiran kritis, keteguhan nilai agama serta kematangan sosial dalam kalangan remaja. Penelitian ini diharapkan dapat memberikan gambaran tentang sejauh mana golongan remaja bersedia menghadapi kepelbagaian pemikiran dan pengaruh global, di samping mengekalkan jati diri serta menyumbang kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035.

3. Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini dihasilkan berdasarkan gabungan teori perkembangan identiti Erikson (1968), konsep literasi media Livingstone (2008), kerangka pemikiran kritis Facione (1990) dan aspirasi pembangunan modal insan dalam Wawasan Brunei 2035. Kajian ini mencadangkan bahawa kesiapsiagaan remaja dalam menghadapi kerencaman pemikiran dipengaruhi oleh lima dimensi utama, iaitu pengetahuan, kesedaran, literasi digital, pemikiran kritis dan penghayatan nilai MIB. Kelima-lima dimensi tersebut dijangka mempunyai hubungan dengan keupayaan remaja untuk menilai pengaruh luar, mengekalkan jati diri serta membuat keputusan secara bertanggungjawab.



Rajah 1

Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang menggabungkan lima dimensi utama, iaitu pengetahuan, kesedaran, literasi digital, pemikiran kritis dan penghayatan nilai Melayu Islam Beraja (MIB). Kelima-lima dimensi ini digunakan untuk menilai tahap kesiapsiagaan remaja Brunei Darussalam dalam menghadapi cabaran kerencaman pemikiran, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

4. **Persoalan Kajian**

Kajian ini dibentuk berdasarkan lima persoalan utama:

1. Apakah tahap pengetahuan dan kesedaran remaja Brunei Darussalam terhadap cabaran kerencaman pemikiran?
2. Sejauh manakah remaja Brunei mempunyai kemahiran literasi digital dan pemikiran kritis dalam menilai pelbagai pengaruh pemikiran?
3. Bagaimanakah penghayatan Falsafah Melayu Islam Beraja mempengaruhi kesiapsiagaan remaja dalam menghadapi kerencaman pemikiran?
4. Apakah hubungan antara pengetahuan, kesedaran, literasi digital, pemikiran kritis dan penghayatan nilai MIB dengan tahap kesiapsiagaan remaja?
5. Apakah langkah yang boleh dicadangkan untuk memperkukuh kesiapsiagaan remaja bagi mendukung aspirasi Wawasan Brunei 2035?

Persoalan tersebut bertujuan menghasilkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang tahap kesiapsiagaan remaja daripada aspek intelektual, sosial, digital dan pembentukan jati diri.

5. Signifikan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan dari aspek akademik, pendidikan, sosial dan pembangunan negara. Dari sudut akademik, kajian ini dapat memperluas perbincangan tentang konsep kesiapsiagaan remaja dalam menghadapi

kepelbagaian pemikiran, khususnya dalam konteks masyarakat Brunei Darussalam yang berteraskan falsafah MIB. Kajian ini juga berpotensi menyediakan bukti empirikal tentang hubungan antara literasi digital, pemikiran kritis, penghayatan nilai dan kesiapsiagaan remaja. Dari aspek pendidikan, hasil kajian boleh dijadikan rujukan oleh institusi pendidikan dalam merancang program pengukuhan jati diri, kemahiran berfikir secara kritis dan penggunaan teknologi secara beretika. Kepentingan ini selaras dengan penekanan terhadap kemahiran abad ke-21, termasuk literasi digital dan pemikiran kritis, yang turut diketengahkan dalam perbincangan pembangunan modal insan negara (Laman Web Kerajaan Brunei Darussalam, 2025). Dari sudut sosial, kajian ini dapat membantu ibu bapa, pendidik dan masyarakat memahami bentuk cabaran pemikiran yang dihadapi oleh golongan remaja. Kefahaman tersebut penting bagi membentuk pendekatan bimbingan yang menggalakkan dialog, penilaian maklumat secara matang dan pengukuhan nilai positif. Dari perspektif pembangunan negara, kajian ini relevan dengan Matlamat Pertama Wawasan Brunei 2035, iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Keupayaan generasi muda menyesuaikan diri dengan perubahan global tanpa mengabaikan nilai kebangsaan merupakan salah satu aspek penting pembangunan modal insan (Government of Brunei Darussalam website, 2025).

6. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan keratan rentas (*cross-sectional survey*). Pendekatan ini sesuai digunakan bagi memperoleh maklumat mengenai persepsi, pengetahuan, sikap dan tahap kesiapsiagaan responden pada satu tempoh tertentu. Menurut Creswell dan Creswell (2018), pendekatan kuantitatif membolehkan hubungan antara pemboleh ubah dikaji secara sistematik melalui pengumpulan serta analisis data berangka.

6.1 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi sasaran kajian ialah remaja Brunei Darussalam berumur antara 14 hingga 24 tahun. Julat umur ini merupakan definisi operasi yang dicadangkan bagi kajian, dan merangkumi sebahagian golongan belia muda. Responden diperolehi sebanyak 100 orang yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah, institusi pengajian tinggi serta remaja yang tidak mengikuti pendidikan formal.

6.2 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ialah borang soal selidik berstruktur yang menggunakan skala Likert lima mata, daripada 1 (Sangat Tidak Setuju) hingga 5 (Sangat Setuju) yang merangkumi beberapa dimensi utama iaitu penggunaan media sosial, kesedaran terhadap pengaruh pemikiran, pemikiran kritis, keterbukaan terhadap perbezaan pandangan, penghayatan nilai agama dan ketahanan identiti.

6.3 Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data dicadangkan dilaksanakan melalui pengedaran soal selidik menggunakan Google Forms atau borang bercetak. Responden diberikan penerangan mengenai tujuan kajian, kerahsiaan maklumat serta hak untuk menarik diri daripada penyertaan.

6.4 Kaedah Analisis Data

Data kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS atau perisian statistik yang setara. Analisis deskriptif seperti kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan tahap kesiapsiagaan responden.

7. Dapatan Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 100 orang responden remaja Brunei Darussalam yang berumur antara 14 hingga 24 tahun. Analisis deskriptif dilaksanakan berdasarkan lima dimensi utama, iaitu pengetahuan, kesedaran, literasi digital, pemikiran kritis dan penghayatan nilai Melayu Islam Beraja (MIB). Dapatan menunjukkan bahawa kesemua responden menggunakan media sosial sekurang-kurangnya empat jam sehari, dengan 75% menggunakannya antara empat hingga enam jam, manakala 25% melebihi enam jam sehari. TikTok merupakan platform paling dominan (75%), diikuti Facebook (15%), YouTube (5%) dan WhatsApp (5%). Keadaan ini memperlihatkan bahawa media sosial merupakan medium penting yang berpotensi mempengaruhi pembentukan pemikiran remaja.

Jadual 1

Rumusan Dapatan Kajian Berdasarkan Lima Dimensi Utama	
Dimensi	**Dapatan Utama**
Pengetahuan	91.7% purata respons positif. Semua responden memahami pengaruh media sosial dan kepentingan menilai maklumat.
Kesedaran	83.3% purata respons positif. Semua responden menyedari maklumat media sosial tidak semestinya benar.
Literasi digital	90.0% purata respons positif. Semua responden menyatakan mampu mengawal kandungan dan menggunakan media sosial secara bertanggungjawab.
Pemikiran kritis	62.5% purata respons positif. Hanya 50% menyatakan mampu mengenal pasti maklumat manipulatif dan memahami kesan globalisasi secara seimbang.
Penghayatan MIB	100% menyokong peranan MIB sebagai panduan, namun hanya 25% bersetuju bahawa nilai agama dijadikan panduan dalam membuat keputusan.

Berdasarkan Jadual 1, dimensi pengetahuan mencatatkan purata respons positif tertinggi, iaitu 91.7%, diikuti literasi digital (90.0%) dan kesedaran (83.3%). Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai kefahaman dan kesedaran yang positif terhadap pengaruh media sosial serta menyatakan keyakinan terhadap kemampuan menggunakan teknologi digital secara bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, dimensi pemikiran kritis mencatatkan purata respons positif yang lebih rendah, iaitu 62.5%. Sebanyak 50% responden sahaja memberikan respons positif terhadap kemampuan mengenal pasti maklumat yang mengelirukan atau berunsur manipulasi. Selain itu, hanya 50% responden bersetuju bahawa globalisasi boleh membawa pengaruh positif dan negatif serta menyatakan kesediaan mempelajari idea baharu yang bermanfaat. Keadaan ini menunjukkan bahawa aspek pemikiran kritis dan keterbukaan intelektual masih memerlukan pengukuhan. Dari aspek penghayatan nilai MIB, kesemua responden menyatakan keyakinan bahawa nilai MIB dapat menjadi panduan dalam menghadapi kepelbagaian pemikiran. Namun demikian, hanya 25% responden bersetuju bahawa mereka menjadikan nilai agama sebagai panduan dalam membuat keputusan, manakala 50% tidak bersetuju dan 25% tidak pasti. Dapatan ini menunjukkan kemungkinan wujudnya jurang antara penerimaan terhadap kepentingan nilai agama dengan pengamalannya dalam kehidupan seharian. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa responden mempunyai kecenderungan positif dari aspek pengetahuan, kesedaran dan literasi digital. Namun, aspek pemikiran kritis serta penghayatan nilai agama dalam membuat keputusan masih memerlukan perhatian bagi memperkukuh kesiapsiagaan remaja menghadapi cabaran kerencaman pemikiran.

8. Perbincangan

Dapatan kajian memperlihatkan bahawa walaupun remaja Brunei Darussalam mempunyai pengetahuan dan kesedaran yang tinggi terhadap pengaruh media sosial, keupayaan pemikiran kritis masih perlu diperkukuh. Perbezaan antara dimensi pengetahuan (91.7%) dan pemikiran kritis (62.5%) menunjukkan bahawa kefahaman terhadap kepentingan menilai maklumat tidak semestinya diterjemahkan kepada keupayaan menilai sesuatu pandangan secara kritis. Penemuan ini selari dengan pandangan Facione (1990) yang menekankan bahawa pemikiran kritis melibatkan kemahiran menganalisis, menilai dan membuat pertimbangan secara rasional. Selain itu, penggunaan media sosial yang tinggi dalam kalangan responden memperlihatkan kepentingan literasi digital dalam pembentukan pemikiran remaja. Menurut Livingstone (2008), literasi digital bukan sahaja melibatkan kemahiran menggunakan teknologi, tetapi juga keupayaan memahami dan menilai kandungan media secara kritis. Oleh itu, pendidikan literasi digital perlu diperkukuh bagi memastikan remaja mampu menghadapi pelbagai pengaruh pemikiran secara berhemah dan bertanggungjawab.

Dari perspektif penghayatan nilai MIB, dapatan menunjukkan bahawa walaupun responden mengiktiraf kepentingan nilai agama dan falsafah MIB, penerapannya dalam membuat keputusan masih perlu diberi perhatian. Justeru, pengukuhan pendidikan agama dan nilai MIB perlu dilaksanakan secara praktikal agar remaja bukan sahaja memahami kepentingannya, malah mampu mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Dapatan ini memberikan implikasi terhadap usaha mencapai Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam melahirkan generasi muda yang berpendidikan, berkemahiran, berfikiran kritis dan mempunyai jati diri yang kukuh. Sehubungan itu, integrasi pendidikan literasi digital, pemikiran kritis dan penghayatan nilai MIB merupakan pendekatan yang wajar diberi perhatian dalam pembangunan modal insan negara.

Dari perspektif penghayatan nilai MIB pula, dapatan menunjukkan bahawa walaupun responden mengiktiraf kepentingan nilai agama dan falsafah MIB, penerapannya dalam membuat keputusan masih perlu diberi perhatian. Justeru, pengukuhan pendidikan agama dan nilai MIB perlu dilaksanakan secara praktikal agar remaja bukan sahaja memahami kepentingannya, malah mampu mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Dapatan ini memberikan implikasi terhadap usaha mencapai Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam melahirkan generasi muda yang berpendidikan, berkemahiran, berfikiran kritis dan mempunyai jati diri yang kukuh. Sehubungan itu, integrasi pendidikan literasi digital, pemikiran kritis dan penghayatan nilai MIB merupakan pendekatan yang wajar diberi perhatian dalam pembangunan modal insan negara.

9. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa remaja yang dikaji mempunyai kecenderungan positif dari aspek pengetahuan, kesedaran dan literasi digital dalam menghadapi cabaran kerencaman pemikiran. Walau bagaimanapun, aspek pemikiran kritis dan penghayatan nilai agama dalam membuat keputusan masih memerlukan pengukuhan. Justeru, usaha memperkasakan pendidikan, literasi digital dan penghayatan nilai MIB secara bersepadu amat penting bagi melahirkan generasi muda yang berfikiran matang, berjati diri dan berdaya tahan selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Rujukan

Boyd, Danah. (2014). It's complicated: The social lives of networked teens. Yale University Press.

Castells, Manuel (2010). The rise of the network society (2nd ed., with a new preface). Wiley-Blackwell.

Creswell, John W., & Creswell, J. David (2018). Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches (5th ed.). SAGE Publications.

Facione, Peter A. (1990). Critical thinking: A statement of expert consensus for purposes of educational assessment and instruction. American Philosophical Association.

Jaili H., Metussin H. (2023), Cabaran Media Sosial Terhadap Aqidah Islam. *International Journal of 'Umranic Studies*, 6 (1), 55-63.

Livingstone, Stone (2008), Internet literacy: Young people's negotiation of new online opportunities. Dalam T. McPherson (Ed.), Digital youth, innovation, and the unexpected, MIT Press. https://doi.org/10.1162/dmal.9780262633598.101

Mohamad, Siti M. (2023). Bruneian youths on social media: Key trends and challenges. Dalam Bruneian Youths on Social Media. Singapore: ISEAS–Yusof Ishak Institute.

Musdalifa, Tuyan Plusat Cung, Wa Ode Karmila, Yuni Rahmatan, Toni, Dampak Perkembangan Digital Terhadap Perubahan Psikologis Remaja Di Era Society 5.0. (2025), *Jurnal Ilmiah Ilmu Sosial dan Pendidikan*, 3 (1), Januari 2025, 24-27.

UNESCO. (2015). Global Citizenship Education: Topics and Learning Objectives. Paris: UNESCO.

UNESCO. (2021). Media and Information Literate Citizens: Think Critically, Click Wisely!. Paris: UNESCO.

Rujukan laman Web:

Laman web Kerajaan Brunei Darussalam: https://www.majlis-mesyuarat.gov.bn/07-08-25-3-blueprint-penggerak-wawasan-brunei-2035/

https://www.wawasanbrunei.gov.bn/matlamat-1/

https://www.unesco.org/en/articles/media-and-information-literacy-and-digital-competencies?hub=424

https://www.unesco.org/en/artificial-intelligence/mil-age-ai